

SOALAN LAZIM
PERADUAN KONGSI KISAH ANDA 2.0

1. **Soalan:**
Apakah **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0**?

Jawapan:

1. **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** bertujuan untuk mendorong peminjam berkongsi pengalaman mereka sebagai peminjam PTPTN yang membayar balik pinjaman serta menerapkan nilai-nilai murni dan memberi inspirasi kepada orang lain melalui penghasilan video kreatif dan menarik di media sosial.

2. **Soalan:**
Bilakah tempoh **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** ini bermula pada **1 Jun 2026 sehingga 31 Julai 2026**.

3. **Soalan:**
Siapakah yang layak untuk menyertai **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0**?

Jawapan:

Terbuka kepada semua peminjam PTPTN.

4. **Soalan:**
Bagaimanakah cara penyertaan **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0**?

Jawapan:

- i. Peserta hendaklah menghasilkan video yang kreatif dan menarik sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengenai **pengalaman sebagai peminjam PTPTN dan menerapkan nilai-nilai murni**;
- ii. Peserta digalakkan untuk menggunakan format kandungan perkembangan semasa media sosial (trending) mengikut kreativiti masing-masing sebagai peminjam yang bertanggungjawab seperti:
 - Gaya POV (Point of View)
 - *Storytime*
 - Mini Vlog
 - *A Day in My Life*
- iii. Durasi video mestilah **tidak melebihi 3 minit**;
- iv. Peserta perlu muat naik video ke akaun Facebook/ Instagram/ TikTok berserta hashtag **#KongsiKisahAnda** dan **#CeritaPTPTN** serta perlu memastikan profil akaun media sosial ditetapkan kepada mod **Public**;
- v. Peserta perlu **tag akaun rasmi media sosial PTPTN, @PTPTNOfficial**;
- vi. Video perlu dimuat naik **sebelum atau selewat-lewatnya 31 Julai, jam 11:59 malam**; dan
- vii. Peserta perlu mengisi borang penyertaan melalui Google Form di pautan: <https://bit.ly/KongsiKisahAnda2> **selewat-lewatnya 31 Julai 2026, jam 11:59 malam**.

5. Soalan:

Apakah peraturan tambahan bagi **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0**?

Jawapan:

- i. Kandungan video mestilah bersesuaian untuk tontonan semua lapisan umur dan Masyarakat;
- ii. Pakaian peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata;
- iii. Sekiranya terdapat *props*, poster atau bahan visual yang berkaitan PTPTN digunakan dalam kandungan video, hendaklah menampilkan logo rasmi pinjaman atau PTPTN yang terkini. Penggunaan logo versi lama atau tidak rasmi **tidak dibenarkan**;
- iv. Peralatan yang digunakan dalam kandungan video dan aksi yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan;
- v. Kandungan, pilihan lagu atau sebarang audio dan peralatan yang digunakan dalam video **TIDAK BOLEH** mengandungi sebarang elemen/ unsur-unsur negatif, menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman dan politik serta melibatkan mana-mana agensi lain; dan
- vi. Peserta dibenarkan untuk muat naik lebih daripada satu (1) video, tetapi hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja.

6. Soalan:

Bagaimanakah pemilihan pemenang **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** dibuat?

Jawapan:

- i. Pemenang akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:
 - Kualiti video dan audio yang jelas serta penyampaian visual yang menarik;
 - Tahap kreativiti idea dan keaslian kisah yang ditampilkan;
 - Keupayaan menyampaikan mesej yang memberi inspirasi serta menerapkan nilai-nilai murni;
 - Kekemasan dari aspek suntingan dan naratif; dan
 - Tahap keterlibatan (*engagement*) video di media sosial seperti jumlah tontonan, komen, perkongsian dan reaksi – sebagai nilai tambah kepada penilaian.
- ii. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau cubaan mempertikaikan keputusan tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

7. Soalan:

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** ini?

Jawapan:

PEMENANG	HADIAH TUNAI (RM)	BILANGAN PEMENANG
Utama	3,000.00	1
Kedua	2,000.00	1
Ketiga	1,000.00	1
Saguhati	400.00	10

8. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang hadiah **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel/ media sosial rasmi PTPTN, @PTPTNOfficial atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.

9. Soalan:

Bilakah hadiah tunai **Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0** akan dikreditkan ke akaun pemenang?

Jawapan:

Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman dalam tempoh **DUA (2) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang. Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada peminjam di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.

10. Soalan:

Sekiranya pemenang telah **meninggal dunia sebelum atau semasa tempoh pengkreditan hadiah dilaksanakan**, bagaimanakah pelarasan ganjaran hadiah tunai dibuat?

Jawapan:

Sekiranya pemenang telah meninggal dunia sebelum atau semasa tempoh pengkreditan hadiah dilaksanakan, **ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman milik pemenang, tanpa mengambil kira status akaun tersebut**. Urusan tuntutan atau pengeluaran wang ganjaran tersebut oleh waris adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada yang ditetapkan oleh PTPTN.

11. Soalan:

Bagaimanakah pelaksanaan pengkreditan ganjaran tunai yang dimenangi kepada pemenang dilakukan?

Jawapan:

Pelaksanaan pengkreditan ganjaran tunai yang dimenangi kepada pemenang akan dibuat berdasarkan seperti di bawah:

Situasi	Pelaksanaan Pengkreditan Ganjaran Tunai
Pemenang A memenangi hadiah utama bernilai RM3,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM4,000.	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM3,000 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman.

Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0

Pemenang B memenangi hadiah utama bernilai RM3,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM500.	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM500 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang manakala lebih daripada hadiah tersebut berjumlah RM2,500, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri.
Pemenang C memenangi hadiah utama bernilai RM3,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM500. Walaubagaimanapun, pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime.	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM500 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang manakala lebih daripada hadiah tersebut berjumlah RM2,500, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka oleh pihak PTPTN secara <i>pre-opening</i> berdasarkan kepada butiran sedia ada peminjam di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.
Pemenang D telah meninggal dunia semasa tempoh kempen dan memenangi hadiah utama bernilai RM3,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM500.	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM3,000 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman tanpa mengambil kira status akaun tersebut. Urusan tuntutan atau pengeluaran wang ganjaran tersebut oleh waris adalah tertakluk kepada prosedur pengurusan waris/ harta pusaka sedia ada yang ditetapkan oleh PTPTN.

12. Soalan:

Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

Jawapan:

Hadiah tunai berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman/ simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian *Careline* [03-21933000](tel:03-21933000) untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Peraduan Kongsi Kisah Anda 2.0*

Maklumat dikemaskini pada 26 Mei 2026